AYAT MAJMUK

1. Ayat majmuk ialah ayat yang mengandungi lebih daripada satu subjek atau predikat yang digabungkan dengan kata hubung.

BAGAIMANA KITA NAK KENAL PASTI AYAT MAJMUK MURID-MURID?

- Dalam ayat majmuk terdapat kata hubung.
- Contoh kata hubung

dan | lalu
sambil | kerana
atau | tetapi
dan | yang
untuk

KEMAHIRAN: MEMBACA AYAT MAJMUK

Imran suka minum susu tetapi Irmi suka minum jus oren.

Kita memerlukan vitamin kerana vitamin memberi kita tenaga.

Nabila, melihat ibunya membersihkan ikan, daging dan sayuran yang baru dibeli.

Imran bersorak untuk menaikkan semangat pasukan abangnya.

LIVEWORKSHEETS

Unit 22

TEMA 8: INTEGRITI

Anak yang Baik

Aktiviti 1

Dengar, sebut, kemudian tandakan (✓) pada ayat majmuk.

1.	Sekolah Seha akan mengadakan Hari Anugerah Kecemerlangan.	
2.	Cikgu Ramlah meminta murid-muridnya menyampaikan kad undangan kepada ibu bapa masing-masing.	
3.	Ibu bapa serta penjaga diundang ke majlis itu.	
4.	Murid-murid perlu menyampaikan beberapa pesanan kepada ibu bapa mereka.	
5.	Ibu bapa perlu hadir lebih awal kerana banyak undangan pada hari itu.	
6.	Pada petang itu, Seha berjumpa dengan ayahnya lalu menyerahkan kad undangan itu.	
7.	Ayah Seha membaca kad itu dengan telitinya.	
8.	Dia berjanji akan hadir tetapi mungkin lewat.	
9.	Dia tidak dapat hadir awal kerana ada tugas di luar daerah pada hari tersebut.	
10.	Seha berasa gembira kerana dapat menyampaikan amanat Cikgu Ramlah kepada ibu bapanya.	

Nota Guru

- Minta murid mendengar dan menyebut ayat yang dibaca oleh guru. Kemudian, tandakan (✓) pada ayat majmuk.

1.1.1 (iii)
BT2: 64

LIVEWORKSHEETS